

PBB

Kuasa veto 5 negara patut ditarik balik

ucut kuasa veto lima anggota tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) seperti dijangka ramai pihak, Russia menggunakan kuasa vetonya dalam Majlis Keselamatan PBB minggu lalu untuk menghalang cadangan lima negara yang dipelopori Malaysia bagi menubuhkan sebuah tribunal jenayah antarabangsa untuk menyiasat dan membicarakan mereka yang bertanggungjawab dalam kejadian menembak jatuh pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH17 di wilayah Timur Ukraine pada 17 Julai tahun lalu, yang mengorbankan 298 nyawa termasuk 43 rakyat Malaysia.

Tindakan Russia undang rekasi negatif

Tindakan Russia menggunakan kuasa veto mengundang pelbagai reaksi negatif negara dunia yang rata-rata kini menganggap Russia seolah-olah ingin melindungi penjenayah yang disyaki terbabit dalam insiden berkenaan ke muka pengadilan. Tindakan Russia itu juga mengundang perasaan kecewa keluarga serta sahabat handai mangsa.

Walaupun begitu, penggunaan kuasa veto oleh Russia tidak me-

ngejutkan kerana sejak cadangan penubuhan tribunal jenayah antarabangsa terbabit dibuat Malaysia hampir dua minggu lalu, Russia menyatakan dengan jelas kedudukan mereka untuk tidak menyokong cadangan terbabit atas pelbagai alasan.

Penggunaan kuasa veto oleh Russia juga dijangka pelbagai pihak sebagai langkah Russia menghalang usaha ingin dilakukan Malaysia melalui kerjasama empat

“ Kuasa veto dilihat banyak kali disalahgunakan bagi menghalang proses siasatan serta bantuan misi kemanusiaan yang ingin diberikan kepada negara bergolok atas sebab politik serta fahaman berbeza”

negara yang terbabit dalam insiden menimpa pesawat MH17 seperti Australia, Belgium, Belanda dan Ukraine bagi menubuhkan sebuah tribunal jenayah antarabangsa bagi membicarakan pihak terbabit.

Menjadi hak negara anggota Majlis Keselamatan PBB terutama lima negara yang menduduki kerusi tetap Majlis Keselamatan iaitu Amerika Syarikat, Russia, United Kingdom, Perancis serta China menggunakan kuasa veto dimiliki bagi menghalang sebarang cadangan atau draf resolusi dikemukakan melalui Majlis Keselamatan terbabit.

Wujud sejak penubuhan PBB

Kuasa veto dimiliki lima negara anggota tetap Majlis Keselamatan terbabit wujud sejak penubuhan PBB selepas tamatnya Perang Dunia Kedua pada tahun 1945. Walaupun tiada peruntukan khusus mengenai kuasa veto dinyatakan dengan jelas melalui Piagam PBB 1945, namun jika dianalisis dengan teliti, Artikel 27 Piagam PBB 1945, ada menyatakan sebarang keputusan ingin diambil Majlis Keselamatan perlu mendapat persetujuan atau tanpa bantangan lima negara anggota tetap Majlis Keselamatan.

Penggunaan kuasa veto dimiliki negara anggota tetap Majlis Keselamatan banyak mengundang perasaan tidak puas hati negara anggota PBB sendiri yang terdiri lebih daripada 190 negara. Kuasa veto dimiliki lima negara terbabit dilihat kini oleh ramai pihak bukan sahaja sudah menjadi tidak relevan, malah dianggap sebagai satu kuasa berat sebelah yang diberikan kepada negara tertentu sahaja.

Semua negara perlu dilayan sama adil

Walau apa jua alasan diberikan untuk menyokong pemberian kuasa veto terbabit, adalah tidak adil untuk sesetengah negara terus diberi keistimewaan berbanding negara lain dalam PBB. Semua negara dunia harus dilayan sama adil. Jika kuasa veto ini terus dikekalkan nescaya ketidakadilan akan berterusan berlaku dalam PBB serta banyak perkara membabitkan kemanusiaan tidak dapat diselesaikan.

Kuasa veto terbabit juga dilihat banyak kali disalahgunakan bagi menghalang proses siasatan serta bantuan misi kemanusiaan yang ingin diberikan kepada negara bergolok atas sebab politik serta fahaman berbeza.

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bharian.com.my

Sudah sampai masanya kuasa veto dimiliki lima negara itu ditarik balik bagi terus menjamin keamanan dunia. Walaupun proses melucutkan kuasa veto terbabit dilihat sukar untuk dilakukan, namun melalui kerjasama erat semua negara anggota PBB ia pasti dapat dilakukan.

Jika ia masih tidak dilakukan, maka negara anggota PBB sedia ada boleh juga mengemukakan untuk keluar beramai-ramai daripada PBB untuk menubuhkan sebuah pertubuhan antarabangsa yang baru yang boleh memberi keadilan keanggotaan kepada semua negara dunia.

Dr Muzaffar Syah Mallow
Universiti Sains Islam Malaysia